

Pembudayaan elemen-elemen maritim dalam peribahasa Melayu

UB 10.10.2016 B2



LAUT BUKAN PEMISAH

Oleh ISMAIL ALI
Universiti Malaysia Sabah

LAUT dan lautan secara tradisinya telah menjadi sumber inspirasi untuk mencari ilham, pedoman, keluhuran bahasa dan seterusnya menidakkan *worldview* manusia yang mengaitkannya dengan pelbagai unsur metos dan tauhu.

Dengan memahami peranan dan fungsi laut dan lautan ini dalam segala aspek kehidupan, maka tidak hairanlah mengapa orang-orang Melayu pada zaman dahulu tidak pernah membelakangkan elemen-elemen maritim dalam kehidupan seharian dan memperkayakan tradisi keintelektualan mereka.

Dengan berslogankan "Laut Bukan Pemisah" maka artikel pada kali ini akan memperlihatkan penggunaan elemen-elemen maritim dalam peribahasa Melayu sebagai cerminan dan pancaran kepada keperibadian, keintelektualan dan pemahaman orang-orang Melayu tentang aspek maritim dalam memperkayakan lagi tamadun bangsa Melayu.

Sepertimana indah dan dalamnya maksud yang tersirat dalam peribahasa Melayu yang berbunyi "Tak Lekang Dek Panas, Tak Lapuk Dek Hujan" maka begitulah juga indah dan dalamnya maksud yang tersirat dalam kata-kata puisi Melayu lama yang kini diistilahkan sebagai peribahasa Melayu.

Walaupun peribahasa ini dikatakan telah lama dituturkan di alam Melayu (Nusantara) dan menjadi tasawwur atau *worldview* kepada masyarakat Melayu pada waktu itu, namun dari segi sejarah asal-usul dan penyebarannya di nusantara masih lagi kabur dan terus

dikaji pada masa kini.

Misalnya, persoalan seperti bila peribahasa Melayu ini mula dibudayakan, siapa penuturnya dan dari mana asal bangsa yang menzahirkannya masih lagi tidak diketemukan sepenuhnya.

Namun demikian, apa yang pasti ialah penggunaan dan pembudayaan peribahasa dalam pertuturan seharian masyarakat Melayu tradisional di rantau ini telah mula berputik sebelum orang-orang Melayu itu sendiri pandai menulis dan membaca dan dijajah oleh bangsa-bangsa luar yang mendakwa diri mereka mempunyai tamadun yang lebih tinggi daripada bangsa yang dijajahnya.

Pada orang-orang Melayu, penciptaan dan pembudayaan peribahasa dalam pertuturan seharian bukan setakat melambangkan kekayaan, keindahan dan ketinggian darjat bahasa Melayu semata-mata tetapi lebih jauh dari itu lagi iaitu menjadi waadah untuk merakamkan tingkahlaku, pemikiran dan manifestasi orang-orang Melayu terhadap bangsa, agama dan alam persekitarannya.

Jauh dari itu lagi, peribahasa juga digunakan bertujuan untuk mendidik "secara halus" anak bangsa Melayu agar tidak melanggar nilai dan norma bangsa Melayu pada waktu itu. Justeru itu, penggunaan peribahasa Melayu dalam kalangan orang-orang Melayu tidak dituturkan secara sembarangan tetapi disusun bahasa dan disampaikan oleh "orang tua-tua" yang dihormati dalam kalangan masyarakat Melayu.

Jika diimbau kembali sejarah dan latar belakang peribahasa Melayu menunjukkan bahawa ianya bukannya lahir di Tanah Melayu tetapi berasal dari Indonesia yang dibawa masuk oleh orang Minangkabau (Sumatera) dan Riau (Afizah et al, 2003) yang telah berhijrah secara besar-besaran ke Tanah Melayu sekitar abad ke-14 dan telah berkembang dan berevolusi seiring dengan perubahan zaman dan perkembangan budaya.

PENGERTIAN DAN RUANG LINGKUP

Terdapat beberapa definisi, konsep dan makna umum

peribahasa yang telah diutarakan oleh penutur, ahli-ahli linguistik dan pengkaji sains sosial mengikut kefahaman masing-masing.

Menurut Alfizah et al. (2003:21-23) dalam artikel yang berjudul "Kepelbagaian Dalam Peribahasa Melayu" menyatakan "Peribahasa merupakan salah satu cabang tertua pusi lama yang merupakan pancaran pemikiran masyarakat lama yang masih terikat dengan adat istiadat.


Struktur, sikap, serta falsafah yang dianuti dan tasawwur masyarakat juga turut dicerminkan. Peribahasa dianggap sebagai warisan masyarakat, peninggalan tamadun, rakaman pengalaman manusia, serta rumusan daya keintelektualan dan kewajaran yang terhasil daripada cetusan hati nurani yang isinya penuh dengan pengajaran, nasihat, teguran, hikmah dan kebenaran".

Menurut Mohd Ghani Ahmad (2002) dalam "Peribahasa Menjana Minda" pula mendefinisikan peribahasa sebagai ikatan yang dipilih oleh penciptannya dengan gaya bahasa yang indah, teratur, padat, ringkas dan tepat yang mengandungi pula pengertian yang khusus yang boleh dijadikan pegangan dan pengajaran kepada setiap lapisan masyarakat dari zaman ke zaman.


Pendeta Zaba pula mengertikan peribahasa sebagai susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai sejak beberapa lama yang sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya dipakai dijadikan sebutan orang sebagai perbandingan, teladan dan pengajaran.

Sementara itu, Tenas Effendy (2003) dalam makalahnya berjudul "Peribahasa Dalam Kehidupan Orang Melayu" pula mendefinisikan peribahasa sebagai cerminan kehalusan budi pekerti Melayu yang selalu mengatakan sesuatu dengan bahasa yang singkat tetapi mengandungi makna yang dalam.

Peribahasa sebagai salah satu cabang sastera lama dapat dibahagikan kepada tiga jenis iaitu peribahasa selapis yang terdiri daripada pepatah, bidalan dan perbandingan; peribahasa



SEKADAR gambar hiasan



berlapis iaitu perumpamaan; dan lidah pendeta.

Pepatah merupakan kalimah-kalimah yang mengkiaskan sesuatu keadaan dalam masyarakat yang membawa maksud patah-patah perkataan yang disusun untuk mematahkan kata-kata orang lain dan bersifat menerangkan sesuatu yang benar dan sukar untuk disangkal kebenaran itu.

Contohnya, pepatah yang berbunyi "berani kerana benar, takut kerana salah" yang menyatakan bahawa seseorang itu perlu berani memperjuangkan kebenaran dan patut berasa bersalah jika telah melakukan kesalahan.

Bidalan pula lebih kerap digunakan dan lebih dekat kepada masyarakat dan terdapat bandingan serta teladan yang mengandungi nilai, ilmu dan pengajaran.

Contohnya, "sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunannya". Perbilangan pula disusun berangkap-rangkap seperti puisi. Setiap rangkap perbilangan boleh terdiri daripada dua baris atau lebih dan disebut satu demi satu seolah-olah orang sedang membuat perbilangan atau perkiraan. Contohnya, "Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah".

Perumpamaan dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu golongan yang menyatakan perbandingan makna secara terang yang

dimulakan dengan perkataan seperti, umpama, laksana, bagai, bak dan ibarat.

Jenis kedua pula ialah golongan yang tidak menyatakan perbandingan secara terang-terangan tetapi mempunyai makna yang tersirat. Sementara itu, lidah pendeta merujuk kepada kata-kata pujangga, ulama atau cendekiawan yang dijadikan pedoman hidup dan percakapan umum.

Kiasan pula ialah sesuatu perkara yang diperkatakan sementara bahasa pula memperkatakan sesuatu perkara dengan mengkiaskan kepada perkara lain dengan tujuan untuk memperjelaskan sesuatu yang terbahagi kepada tiga pecahan iaitu kiasan halus, kiasan sedang dan kiasan kasar.

Ibarat pula adalah ikatan bahasa yang memperkatakan sesuatu maksud dengan perkataan yang berkias, bentuk literalnya tidak menggambarkan makna yang sedang didukungi.

Kadangkala ibarat boleh bersatu dengan kias dan disebut kias ibarat dan ada juga disatukan dengan tamsil yang disebut tamsil ibarat. Tamsil bermaksud memberikan misalan yang berkias dan mengandungi pengajaran dan teladan. Contohnya, "ikut resmi padi, makin berisi semakin tunduk".

Akhir sekali, simpulan bahasa merupakan ungkapan atau rangkaian

perkataan yang tersusun khas, membawa pengertian yang berlainan daripada erti kata asalnya. Oleh yang demikian, simpulan bahasa ialah rangkaian perkataan yang bentuknya ringkas iaitu mempunyai dua patah perkataan sahaja dan mempunyai makna berlapis iaitu makna tersurat dan tersirat. Contohnya, "ada hati", "bodoh sombong" dan lain-lain.

PERIBAHASA CERMINAN TASAWWUR ORANG MELAYU

Jika dianalisis daripada segi pemakaian perkataan dan maksudnya, peribahasa yang dicipta oleh orang-orang Melayu pada hakikatnya merupakan cerminan tasawwur atau pandangan dunia, nilai, panduan hidup, adab dan tatasusila dan kaedah mendidik tradisional dengan menyandarkan pelbagai elemen alam semulajadi sebagai latar untuk menyampaikan pelbagai maksud dan tujuan seperti merendahkan diri, berbuat baik, berwaspada, persaudaraan, rasional, untung rugi dan sebagainya. Sebagai bangsa yang amat mementingkan air muka dan imej seseorang, orang-orang Melayu zaman dahulu seboleh-bolehnya tidak mahu mengaibkan bangsanya dengan menegur seseorang itu secara langsung dan tanpa pelapik bahasa.

Ini tidak bermakna bahawa orang-orang Melayu pada waktu itu yang seringkali menggunakan peribahasa dalam perbualan seharian tidak telus atau ikhlas dan berani menegur anak bangsanya demi kebenaran dan kebaikan bangsanya.

Walaupun ada kalanya mungkin peribahasa yang digunakan terlalu dalam

maknanya sehingga sukar difahami, namun peribahasa ini tetap menggambarkan ketinggian peribadi dan nilai-nilai kemelayuan sesuai dengan konteks pada waktu itu.

Untuk memastikan tujuan terlaksana dan tidak mengaibkan seseorang, maka jalan terbaik adalah dengan menyampaikan maksud secara berlapis dengan menggunakan elemen-elemen alam sekitar baik elemen darat mahupun laut yang mendasari kehidupan seharian orang-orang Melayu pada waktu itu.

Dengan menggunakan perkataan-perkataan tertentu dan dihiasi dengan bahasa yang berbunga, maka sesuatu maksud itu dapat disampaikan dengan cara berhemah dan tidak menyinggung secara langsung perasaan seseorang itu ibarat "menarik rambut dalam tepung" iaitu maksud dapat disampaikan dan orang yang menerimanya dengan baik.

Asmah Omar (1986) dalam bukunya yang berjudul Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu telah memperlihatkan elemen-elemen bahasa sebagai gambaran bagaimana masyarakat Melayu berfikir dalam konteks alam Melayu itu sendiri. Begitu juga dengan Hashim Awang (2003) dalam makalahnya yang berjudul "Hubungan Kesusasteraan dengan Alam Sekitar" dan Zurinah Hassan (1999) dalam "Alam Sebagai Perlambangan Puisi" juga banyak memperlihatkan pengaruh alam sekitar dalam menghasilkan kesusasteraan atau puisi lama secara lisan dalam kalangan orang-orang Melayu.

*****BERSAMBUNG*****